

11 FEB 2003

KONVENSYEN-TUAN RUMAH/I

PUSAT KONVENSYEN KUALA LUMPUR SEDIA JADI VENUE UTAMA TAHUN 2005

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Projek pembangunan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dijangka siap untuk pembukaan tidak rasmi menjelang akhir tahun depan dan menjadi tuan rumah kepada acara antarabangnya yang pertama pada bulan Mei 2005, demikian menurut pengerusi Kuala Lumpur Convention Centre Sdn Bhd Tan Sri Mohd Hassan Marican.

Beliau berkata pusat konvensyen itu direka bentuk sebagai tempat perjumpaan (venue) pelbagai guna dengan tujuan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan pameran dan persidangan bertaraf dunia.

"Kami komited untuk memastikan yang infrastruktrur fizikal yang cemerlang ini sepadan dengan perkhidmatan yang akan diberikan," kata beliau dalam ucapannya pada perasmian Pusat Konvensyen Kuala Lumpur oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Berlokasi di kawasan seluas tujuh ekar (2.8 hektar), ia terdiri antara lainnya kawasan pameran seluas 110,000 kaki persegi dengan ruang lantai hingga siling setinggi 12 meter, dewan plenari dengan 3,000 tempat duduk, dewan teater dengan 500 tempat duduk dan dewan utama yang boleh mengisi sehingga 2,500 orang.

Pusat konvensyen itu juga dilengkapi dengan kemudahan tanpa wayar, telekomunikasi dan audio-visual canggih dengan perhubungan satelit.

Mohd Hassan berkata pusat konvensyen itu merupakan salah satu komponen penting dalam rancangan induk Pusat Bandar Kuala Lumpur (KLCC) dan akan menjadi penjana aktiviti utama yang akan melengkapkan pembangunan lain.

Hotel konvensyen dengan 600 bilik akan turut dibina dalam lingkungan kompleks berkenaan.

Antara ciri menarik lain ialah "walk-through aquarium" dengan lebih 3,000 spesies marin tropikal. Dikenali sebagai Aquaria@KLCC, akuarium ini akan dimiliki dan dikendalikan oleh Aquawalk International Ltd yang berpangkalan di New Zealand.

Aquaria@KLCC akan mempromosikan pendidikan dan hiburan menerusi interaksi dengan persekitaran. -- BERNAMA

LES FR AA